

# Sejarah puasa umat terdahulu



Bersama  
**Dr Mohd Hasrul  
Shuhari**

## Bahagian Pertama

yaaban hampir berlalu dan Ramadan bakal menjelang tiba. Berdasarkan amalan sahabat Nabi radiyAllahu 'anhum ajma'in, setiap kali masuk bulan baru, mereka akan berdoa.


Saidina 'Abdullah bin Hisyam RA berkata: "Para sahabat Rasulullah SAW selalu mempelajari doa sebagaimana mereka mempelajari al-Quran, apabila masuknya bulan atau tahun baru (mereka berdoa): *Allahumma adkhillhu 'alaina bi al-amni wa al-imani wa al-salamati wa al-islami wa jiwarin min al-syaitan wa ridwanin min al-Rahman* (Ya Allah, masukkanlah bulan atau tahun baru ini kepada kami dengan sentosa, keimanan, keselamatan, Islam, perlindungan dari gangguan syaitan dan reda dari Allah Yang Maha Pengasih)." (Al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani dalam kitab al-Ishabah fi Tamyiz al-Shahabah menilai sanadnya sahih)

Maka, umat Islam digalakkan berdoa agar diberi kebaikan dan

menukilkan riwayat dari al-Suddi bahawa diwajibkan kepada golongan Nasrani (umat Nabi Isa AS) untuk berpuasa pada bulan Ramadan. Mereka juga diwajibkan tidak makan dan tidak minum setelah tidur serta tidak berjimak sebulan Ramadan meskipun pada waktu malam. Menurut Ibn Kathir dalam Tafsir al-Quran al-Azim, diriwayatkan dari Ibn 'Umar bahawa diwajibkan kepada mereka setelah solat Isyak, tetapi apabila tidur, maka diharamkan makan, minum dan berjimak.

Menurut Imam al-Qurtubi dalam Kitab al-Jami' li Ahkam al-Quran, diriwayatkan daripada al-Sha'bi, Qatadah dan selainnya bahawa terdapat persamaan di antara puasa zaman Nabi Muhammad SAW dengan umat terdahulu pada aspek waktu dan kadar puasa. Dikatakan juga bahawa persamaan tersebut pada aspek kewajipan berpuasa bukan pada aspek waktu dan caranya. Dikatakan juga persamaan itu pada aspek sifat puasa yakni larangan makan, minum dan berjimak sehingga buka puasa tetapi jika tidur maka larangan ini akan diteruskan sehinggalah dimansuhkan pada zaman Nabi Muhammad SAW. Allah SWT juga mewajibkan puasa pada bulan Ramadan ke atas kaum Nabi Musa AS dan Nabi Isa AS tetapi mereka telah menggubahnya.

Golongan Yahudi menggantikan puasa sebulan Ramadan dengan



**AL-HAQ**  
*Sehari sepotong ayat*

**"Yang diarahkannya menyerang mereka tujuh malam lapan hari terus-menerus; (kalaupun engkau menyaksikannya) maka engkau akan melihat kaum itu bergelimpangan mati, seolah-olah mereka: batang-batang pohon yang (tumbang dan) lompang."**

*(Surah al-Haaqqah, ayat 7)*

minumlah serta bertenanglah hati dari segala yang merunsingkan. Kemudian kalau engkau melihat seseorang manusia, maka katakanlah: "Sesungguhnya aku bernazar diam membisu kerana (Allah) Ar-Rahman; (setelah aku menyatakan yang demikian) maka aku tidak akan berkata-kata kepada sesiapa pun dari kalangan manusia pada hari ini." (Surah Maryam, 19: 26)

Imam al-Tabari menjelaskan bahawa ayat ini menunjukkan Saidatina Maryam mewajibkan dirinya kerana Allah SWT untuk

Mereka hanya boleh memberi isyarat sahaja.

Selain itu, menurut Ibn Kathir, berterusan sejak zaman Nabi Nuh AS lagi bahawa diwajibkan berpuasa sebanyak tiga hari pada setiap bulan sehinggalah ia dimansuhkan dengan diwajibkan puasa Ramadan. Imam al-Qurtubi menukilkan dari pandangan Saidina Ibn 'Abbas bahawa umat terdahulu diwajibkan berpuasa tiga hari setiap bulan dan hari 'Asyura' (10 Muharam) kemudian dimansuhkan bagi umat Nabi Muhammad SAW setelah diwajibkan puasa Ramadan.

Pada zaman Nabi Daud AS, mereka diwajibkan berpuasa sepanjang tahun dengan cara puasa selang sehari. Kemudian cara puasa ini dimansuhkan menjadi hukum sunat sahaja pada zaman Nabi Muhammad SAW. Sabda Nabi SAW yang bermaksud: "Dan puasa (sunah) yang paling dicintai Allah adalah puasa (seperti) Nabi Daud AS." (Hadis riwayat al-Bukhari)

Puasa golongan Ahli Kitab juga tidak melakukan amalan bersahur dan melewatkan berbuka puasa. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Yang membezakan puasa kita dengan puasa ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) adalah makan sahur" - (Hadis Sahih riwayat Ibn Hibban). Dalam hadis yang lain, Nabi SAW bersabda yang bermaksud: "Dan puasa yang membezakan



Pada zaman Nabi Daud AS, mereka diwajibkan berpuasa sepanjang tahun dengan cara puasa selang sehari

berpuasa agar diberi keberkatan dan dihindari keburukan setiap kali bulan baru menjelang tiba termasuk bulan Ramadan.

Bulan Ramadan sudah sinonim sebagai bulan beribadah puasa. Amalan ini mempunyai sejarahnya yang tersendiri dalam sejarah umat manusia khususnya umat Islam. Berdasarkan sejarah, umat manusia pada zaman dahulu juga diwajibkan puasa pada hari tertentu.

Firman Allah SWT yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa. (Puasa yang diwajibkan itu ialah) beberapa hari yang tertentu." (**Surah al-Baqarah, 2: 183-184**)

Berdasarkan beberapa kitab tafsir al-Quran antaranya Jami' al-Bayan 'an Ta'waf' ayi al-Qur'an tulisan Imam al-Tabari, diriwayatkan bahawa umat selepas Nabi Ibrahim AS diperintahkan agar menuruti ajaran Nabi Ibrahim AS. Allah SWT menjadikannya sebagai pemimpin (Imam) untuk diikuti dan Nabi Muhammad SAW juga diperintahkan untuk menurutinya sebagaimana yang diperintahkan kepada nabi setelah Nabi Ibrahim AS seperti berpuasa Ramadan.

Imam al-Tabari juga

puasa selama Ramadan dengan puasa sehari setahap sahaja yakni pada hari ditenggelamkan Firaun iaitu 10 Muharam. Manakala golongan Nasrani sepertimana riwayat yang dinukilkan oleh Imam al-Qurtubi bahawa pendeta Nasrani menambah 10 hari lagi kepada 30 hari Ramadan. Kemudian sebahagian pendeta mereka sakit lalu bernazar untuk tambah 10 hari lagi jika sembuh. Maka bilangan hari puasa mereka menjadi 50 hari. Ketika musim panas, mereka tidak mampu melakukan puasa maka mereka mengubah waktu puasa kepada waktu lain.

Imam al-Qurtubi juga menukilkan riwayat Mujahid bahawa, puasa bulan Ramadan diwajibkan kepada semua umat, namun mereka mengubahnya dengan menambah bilangan hari berpuasa sebelum dan selepasnya sehinggalah akhirnya menjadi 50 hari. Mereka juga ubah pada waktu lain kerana tidak mampu puasa pada musim panas sehingga mereka tidak lagi berpuasa pada bulan Ramadan. Diriwayatkan juga bahawa zaman dahulu diharamkan makan, minum dan berjimak ketika bulan puasa meskipun pada waktu malam. Ia juga berlaku ketika puasa pada fasa permulaan Islam kemudian dimansuhkan.

Firman Allah SWT yang bermaksud: "Maka makanlah dan

uminya kerana Allah SWT tidak bercakap dengan sesiapa pun. Imam al-Baghawi dalam kitab Ma'alim al-Tanzil, menukilkan riwayat dari al-Suddi bahawa, Bani Israil dahulu jika mereka bersungguh-sungguh untuk melakukan sesuatu perkara, mereka tidak bercakap sepertimana mereka berpuasa tidak makan sehingga waktu petang.

Ibn Kathir menukilkan riwayat dari al-Suddi, Qatadah dan 'Abd al-Rahman ibn Zaid bahawa apabila mereka berpuasa berdasarkan syariat mereka, diharamkan makan dan berkata-kata. Menurut Imam al-Qurtubi yang menukilkan riwayat al-Suddi bahawa sunah bagi golongan Bani Israil ialah menahan diri daripada makan dan berkata-kata. Bagi Imam al-Qurtubi, sunah ini juga berlaku pada syariat Nabi Muhammad SAW yakni tidak boleh berkata-kata yang keji.

Ayat ini menjelaskan setelah Saidatina Maryam melahirkan Nabi Isa AS tanpa berkahwin dengan izin Allah SWT, Saidatina Maryam diperintahkan agar berpuasa dari makan minum dan berpuasa bercakap. Ayat ini menunjukkan antara sejarah puasa pada zaman dahulu ialah mereka berpuasa bukan sahaja dari makan dan minum bahkan juga berpuasa dari bercakap.

bermaksud: "Agama ini akan senantiasa terzhahir kebaikannya selama mana manusia (kaum Muslimin) mempercepatkan buka puasanya, kerana orang-orang Yahudi dan Nasrani mengakhirkannya." (**Hadis Sahih riwayat al-Hakim**)

Sebagai persediaan menjelang Ramadan, terdapat iktibar dari sejarah umat terdahulu antaranya ialah puasa Ramadan yang ditinggalkan ketika dahulu telah dikembalikan semula, maka umat Islam perlu ambil peluang keemasan ini untuk beramal. Dilarang juga membuat penambahan atau pengurangan pada hukum Allah SWT maka umat Islam perlu ulang kaji hukum-hakam puasa berdasarkan ulama muktabar fekah Ahli Sunah Waljamaah.

Selain itu, sebahagian amalan wajib puasa umat terdahulu sunat diamalkan maka ini peluang untuk umat kini menyaingi amalan umat terdahulu meskipun umur tidak panjang seperti umat terdahulu. Maka, di samping puasa Ramadan, amalan sunat puasa yang lain juga perlu diambil manfaat.

**Penulis Penserah Kanan,  
Pusat Pengajian Usuluddin,  
Fakulti Pengajian  
Kontemporari Islam (FKI),  
Universiti Sultan Zainal  
Abidin (UniSZA)**